



DARWIS merakamkan gambar bersama para pengurus pasukan dan kontinjen Hercules yang mengambil bahagian pada Sukan Staf UMS 2012.

Kejohanan Sukan Staf UMS Kali Ke-12, 2012

Hercules intai Johan Keseluruhan

Oleh **HASSIM HJ OTHMAN**
hrozha@yahoo.com

WB 28.01.2012 A14

KOTAKINABALU: Aktiviti sukan bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah dapat membina kekuatan mental seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni; Prof. Madya Datuk Dr. Haji Kassim Haji Md. Mansur berkata, kita juga boleh melihat kekuatan mental yang mampu mempengaruhi corak permainan di samping

kekuatan fizikal yang dimiliki.

“Selain itu semangat kesukanan yang tinggi di kalangan atlet juga dapat melatih diri para atlet untuk mempunyai minda yang terbuka dan sanggup menerima dan memberi respon dalam pelbagai situasi,” katanya berucap pada majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Hercules sempena Sukan Staf UMS Kali Ke-12, 2012 di Anjung Siswa HEP di sini dua hari lalu.

Beliau telah diwakili oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar merangkap Ketua Kontinjen pasukan Hercules;

Darwis Awang.

Pada tahun ini Sukan Staf UMS akan mempertandingkan sebanyak 19 acara di mana venue kejohanan kebanyakan dalam UMS dan adas setengah sukan di luar UMS.

Katanya, temasya Sukan Staf UMS adalah sukan tahunan yang disertai oleh enam buah kontinjen yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan hubungan antara staf universiti tidak kira staf akademik atau staf bukan akademik.

Tegasnya, pendekatan ini memang amat digalakkan kerana menerusi kegiatan kesukanan kita boleh berinteraksi, dapat bertukar pandangan berkaitan tugas dan tanggungjawab, berhubung dengan lebih erat dan mesra di gelanggang sukan, dan secara tidak langsung sukan berupaya

membentuk personaliti serta kesihatan tubuh badan kita.

“Ini sudah tentu memberi sumbangan yang besar kepada keharmonian dalam suasana kerja,” tegasnya. Katanya, Kontinjen Hercules adalah gabungan bagi Jabatan HEPA, JPP dan PKPP, di mana semua atlet terdiri daripada gabungan tersebut.

Katanya, pada 2009 nama Sapurata menjadi pilihan dan menduduki tempat ketiga keseluruhan. Kemudian tahun 2010 nama 5 Star menjadi taruhan dan menduduki tempat keenam dan tahun ini 2012 Hercules menjadi nadi kontinjen kita kali ini.

“Target kita tahun ini supaya kontinjen Hercules akan menjadi johan keseluruhan Kejohanan Sukan Staf Kali Ke-12 ini,” katanya.



DARWIS mengibarkan bendera kontinjen Hercules sambil disaksikan oleh para pegawai yang hadir.



DARWIS (kiri) menerima cendera kenangan daripada Zamri.